



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	04 DECEMBER 2016



Imej grafik reka corak samping Tun Razak menghiasi latar pentas Perhimpunan Agung UMNO 2016.

Corak samping Tun Razak hiasi PAU

34-4/12/2016

➔ Kain Tenun Diraja Pahang dihasil semula dengan kerjasama Penjara Penor

▪ Kuala Lumpur

Reka corak Tun Razak, iaitu lima garisan berjalur pada samping daripada kain Tenun Diraja Pahang yang pernah dipakai Tun Abdul Razak Hussein ketika menjadi Menteri Besar Pahang, 61 tahun lalu, 'dijelmakan' semula pada Perhimpunan Agung UMNO 2016.

Pengarah Hab Media Kreatif dan Teknologi Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Sulaiman Abd Ghani, berkata corak samping ditunen sendiri nenda Abdul Razak, Selema Sulaiman itu dihasilkan semula dengan kerjasama Penjara Penor di Kuantan, Pahang, untuk dijadikan imej grafik sempena Perhimpunan

Agung UMNO kali ini.

Empat bulan siapkan samping

Samping itu mengambil masa hampir empat bulan untuk disiapkan, memandangkan susunan benang lo-seng, dan benang pakan yang merupakan material utama selain kain sutera, perlu dilakukan dengan teliti bagi menghasilkan samping benar-benar serupa.

"Samping yang siap diambil gambar untuk dijadikan imej grafik kepada poster, kain rentang dan latar belakang pentas. Penggunaan corak Tun Razak amat sesuai kerana beliau pejuang UMNO yang legasinya kini diteruskan anakandanya (Datuk Seri Najib)," katanya di sini, semalam.

Sulaiman berkata samping yang dihasilkan itu dihadiahkan kepada Najib kelmarin, yang begitu teruja melihat hasil usaha beliau bersama-sama 20 individu lain, termasuk bandeduan di Penjara Penor, yang merupakan pusat penghasilan tenun diraja Pahang.

"Alhamdulillah. Cantik! Saya suka. Itu reaksi Perdana Menteri apabila menerima kain samping itu. Riak wajahnya benar-benar gembira," katanya sambil menambah kerja keras dan kajian berbulan-bulan mengha-

silkan corak samping itu berbaloi dan berharap Najib dapat mengenakan samping berkenaan.

Sulaiman berkata, keistimewaan corak Tun Abdul Razak terletak pada lima susunan benang melintang pada bahagian badan manakala di kepala samping, susunan itu bertemu dengan susunan benang menegak, menghasilkan corak berpetak.

"Corak yang dihasilkan juga ringkas, tidak banyak kilauan benang emas atau berlebih-lebihan. Ini menunjukkan peribadi pemakainya yang dianggap merendah diri, tidak menyukai kemewahan dan pemimpin berjihad besar.

"Warna merah hati pula kerana semasa samping itu ditunen, sekitar tahun 1950-an, warna alam sering digunakan manakala kehalusan tenunan menjadi ukuran kebijaksanaan penenunnya," katanya yang sudah dua kali dipertanggungjawab menghasilkan imej grafik sempena Perhimpunan Agung, sejak tahun lepas.

Beliau berkata, kain samping itu pastinya mempunyai nilai sentimental kepada Najib kerana selain milik bapanya, samping asal itu masih terpelihara di Muzium Pekan, sejak 1976. .

BERNAMA